

Kerjasama dengan Pas boleh melangkaui isu Palestin

BH 11 MAY 2002

KUALA LUMPUR, Jumaat - Umno bersedia 'untuk terus bekerjasama dengan Pas melangkaui isu Palestin, asalkan ia bermatlamat bagi kepentingan orang ramai terutama masyarakat Melayu.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata sebagai contoh ialah kerjasama itu boleh diadakan dalam soal pendidikan kerana ilmu amat penting bagi rakyat terutama penguasaan bahasa Inggeris oleh orang Melayu.

"Kita boleh bekerjasama jika ada bidang yang kita tidak seharusnya bertelagah, seperti isu pendidikan dan penguasaan ilmu, melainkan jika Pas mahu kata ilmu tak penting, bahasa Inggeris tak penting dan kalau jadi bodoh pun tak apa."

"Kalau mereka (Pas) kata ilmu penting dan bahasa Inggeris penting, kita boleh bekerjasama dengan dia," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) di sini, hari ini.

Perdana Menteri ditanya apakah majlis syarahan perdana mengenai Palestin yang disertainya bersama Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor malam kelmarin akan menjadi titik permulaan kepada lebih banyak pertemuan antara Umno dan Pas bagi mengurangkan perbezaan pendapat kedua-dua parti orang Melayu dalam isu lain pula.

Mengenai kemungkinan Umno mengambil inisiatif supaya kedua-dua parti boleh mencapai kata sepakat, Dr Mahathir berkata pihaknya sudah berusaha ke arah berkenaan tetapi kurang mendapat sambutan.

"Kalau ada respons, OK sikit... kita (Umno dan Pas) boleh duduk dan bincang untuk cari satu jalan yang baik," katanya.

Dr Mahathir berkata, Umno sentiasa mengalukan kerjasama dengan Pas dalam soal Palestin tetapi ia tidak bermakna Umno sekarang mempunyai pendapat yang sama (dengan Pas) dalam semua perkara.

Katanya, perbezaan pendapat tetap wujud antara Umno dan Pas dan selagi tiada pendapat yang sama dalam perkara itu, adalah agak sukar untuk kedua-dua parti bersatu-padu.

"Kita boleh berusaha ke arah itu jika mereka juga bersedia melakukannya, barangkali ada bidang yang kita tidak harus bertelagah antara satu sama lain," katanya.

Beliau berkata, usaha perpaduan antara orang Melayu memang dialukan tetapi ia mestilah mempunyai asas yang kukuh seperti berkenaan isu kekejaman Israel terhadap penduduk Palestin.

"Dalam soal ini kita tidak ada masalah untuk bekerjasama dengan Pas atau sesiapa saja dalam usaha menentang tindakan Israel terhadap Palestin," katanya.

Dr Mahathir berkata Umno sejak awal-awal lagi sudah memperjuangkan penyatuan antara orang Melayu berdasarkan usahanya menyatupadukan sokongan negeri-negeri Melayu untuk menghadapi cabaran Malayan Union, mengalahkan penjajah British dan seterusnya mencapai kemerdekaan untuk negara ini.

"Ini perlu diiktiraf oleh semua pihak," katanya.

Menjawab soal sama ada siri syarahan Perdana mengenai isu Palestin yang menggabungkan pemimpin kedua-dua parti seperti yang diadakan malam kelmarin akan dilanjutkan ke negeri lain. Dr Mahathir berkata ia tidak perlu.